

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD  
[ MERSING ]**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang merombak kurikulum beberapa program pengajian di universiti awam supaya memenuhi keboleh pasaran siswasah semasa. Setakat ini berapa peratus kadar graduan diambil bekerja selepas satu tahun tamat pengajian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama universiti awam (UA) telah melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik agar relevan dan terkini serta selaras dengan kemajuan teknologi IR 4.0. Bermula tahun 2017, UA telah menjalankan semakan semula terhadap program-program akademik yang ditawarkan.

Melalui semakan tersebut, UA telah mengenal pasti program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan bagi memberi laluan kepada penawaran program baharu yang memenuhi keperluan industri dan serta sejajar dengan keperluan IR4.0.

KPM turut melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh UA. Pihak UA

perlu menjalankan kajian analisis yang terperinci supaya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Program akademik yang ditawarkan juga mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, ILMIA, *Talentcorp*, *Jobstreet* dan agensi-agensi lain berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan program.

Bagi program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada dalam kalangan institusi pendidikan tinggi (IPT), implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan IR 4.0.

KPM sentiasa memastikan pengisian pembelajaran di peringkat universiti adalah selari dengan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri. Pelbagai program kerjasama yang terjalin antara pihak industri dan kementerian dengan bermatlamat ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan dan berfokus kepada program berimpak tinggi. Antaranya melalui pengenalan *Academia Talent Exchange Programme* (Al-xChange):*CEO@ Faculty Programme*. Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Tahun 2018 KPM, kadar graduan bekerja selepas satu tahun tamat pengajian adalah 61.2 peratus.

Sekian, terima kasih.